

Media Title : Harian Metro
Headline : Tahan keldai akaun sindiket penipuan
Date : 12 March 2023
Section : Lokal
Page : 7



Tahan keldai akaun sindiket penipuan

Balik Pulau: Polis menahan seorang lelaki dan seorang wanita yang dipercayai menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan iaitu perkhidmatan pembersihan dan pelaburan Forex tidak wujud yang diiklankan melalui laman sosial Facebook.

Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya dalam satu kenyataan semalam berkata le-

laki berusia 57 tahun dan wanita berumur 51 tahun itu ditahan secara berasingan di Lumut dan Tronoh, Perak dua hari lepas hasil maklumat dan risikan polis Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Barat Daya.

Menurutnya siasatan awal mendapati kedua-dua mereka dipercayai terlibat dalam kes tahun lepas yang

membabitkan kerugian RM25,913 hingga RM32,680 dan mereka kini direman empat hari bagi membantu siasatan, yang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu tipu.

Sementara itu kenyataan sama memaklumkan polis menahan enam lelaki berusia 20-an dan menyita enam motosikal dalam operai Op

Samseng Jalanan yang dijalankan di kawasan tumpuan mat rempit serta lumba haram, di daerah barat daya Pulau Pinang.

Katanya dalam operasi bermula 9 malam tadi hingga 2 pagi kelmarin itu, pihak polis turut mengeluarkan lapan saman kepada penunggang motosikal kerana pelbagai kesalahan lalu lintas.